

2.0 PANDUAN UMUM

2.1 Tatacara Permohonan

- 2.1.1 Setiap permohonan perlulah **mendapatkan kelulusan** dan **kebenaran** terlebih dahulu daripada **Pengarah Bahagian Maklumat Gunatanah Negara**.
- 2.1.2 Permohonan adalah tertakluk kepada prosedur kelulusan yang telah ditetapkan. Permohonan perlu dikemukakan sekurang-kurangnya **45 hari** sebelum sesi penerbangan. Ini disebabkan, BMGN perlu memohon permit ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).
- 2.1.3 Caj bayaran permit Pihak CAAM dikenakan sebanyak **RM250/per Dron/Unmanned Aerial Vehicle (UAV)** (bawah 20kg) manakala caj bayaran JUPEM adalah sebanyak **RM50/per hari**.
- 2.1.4 Segala tuntutan permit, perjalanan dan tanggungan lain hendaklah ditanggung oleh pihak yang memohon mendapatkan perkhidmatan Dron/Unmanned Aerial Vehicle (UAV) ini.
- 2.1.5 Surat-surat yang berkaitan perlu dikemukakan kepada pentadbiran ini daripada pihak yang memohon. Contoh surat adalah seperti berikut:
 - a) Surat permohonan daripada pemohon;
 - b) Laporan perihal tapak dan perincian halangan di tapak;
 - c) Pelan *Area of Interest* (AOI); dan
 - d) Surat kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau agensi yang berkaitan.
- 2.1.6 Keperluan permohonan permit penerbangan (penggambaran) Dron/Unmanned Aerial Vehicle (UAV) dari Bahagian Geospatial Pertahanan (BGSP), JUPEM:
 - a) Borang PPN 130 (3 salinan) boleh didapati di laman sesawang JUPEM;
 - b) Salinan kad pengenalan pemohon/juruterbang (3 salinan);
 - c) Surat iringan dari agensi/jabatan yang memohon (1 salinan);
 - d) Surat iringan dari agensi/jabatan yang melantik (3 salinan) jika ada;
 - e) Surat kelulusan/kebenaran syarikat/pemilik bangunan/kawasan yang membenarkan (3 salinan);
 - f) Pelan lokasi/ *Area of Interest* (AOI) (3 salinan);
 - g) Spesifikasi data teknikal peralatan penggambaran udara (1 salinan).
- 2.1.7 Keperluan mendapatkan permit penerbangan kebenaran ruang udara (NOTAM) dari CAAM:
 - a) Surat rasmi daripada pemohon;
 - b) Data *Keyhole Markup Language* (KML)/ *Keyhole Markup Language Zipped* (KMZ) dalam bentuk *Degrees, Minutes, Seconds*, (D, M, S);

- c) Surat iringan daripada agensi/jabatan yang memohon;
- d) Surat kebenaran daripada JUPEM; dan
- e) Surat keizinan operasi penerbangan Dron/*Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) (PBT/PDT atau yang berkaitan).

2.1.8 Pengendalian Dron/*Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) hendaklah mematuhi segala peraturan dan undang-undang berkaitan iaitu:

- a) **Akta Penerbangan Awam 1969;**
- b) **Peraturan Penerbangan Awam 2016 (MCAR 2016);**
- c) **Pekeliling Am (Keselamatan Terhadap Dokumen Geospatial Terperingkat 2007); dan**
- d) **Arahan Keselamatan 1985 dan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88).**

2.2 Kawasan Operasi

- 2.2.1 Pastikan kawasan penerbangan adalah sejauh 30 meter selamat dari bangunan, orang awam dan struktur lain.
- 2.2.2 Pastikan kawasan berhampiran lokasi penerbangan tiada struktur yang mempunyai pengaruh elektromagnet.
- 2.2.3 Pastikan juruterbang berada pada jarak tidak kurang 6 meter dari Dron/*Unmanned Aerial Vehicle* (UAV).
- 2.2.4 Mengenal pasti ketinggian kawasan *Area of Interest* (AOI) dan bentuk muka bumi jika perlu.
- 2.2.5 Pastikan berada di kawasan yang lapang dan tinggi, tiada halangan seperti pokok.
- 2.2.6 Ketinggian penerbangan adalah minimum 50 meter dari bangunan, orang awam dan struktur lain bergantung kepada keperluan.
- 2.2.7 Tidak boleh diterbangkan di atas sekumpulan orang awam.
- 2.2.8 Pastikan Dron/*Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) diterbangkan dengan mengambil kira laluan penerbangan kapal terbang ataupun helikopter pada masa tersebut.